



**JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN**



KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor – kontraktor penyiap yang telah diberikan Sijil Kontraktor Penyiap oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) dan berdaftar di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)/ PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TENDER	TAJUK PROJEK	TARAF/ JENIS SYARIKAT *	GRED, KATEGORI & PENGKhususan/ KELAS	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH DAN MASA TENDER DITUTUP
Jabatan Landskap Negara, Tingkat 10, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya	No. Tender : JLN/T/01/2021 Cadangan Menyiapkan Kerja-kerja Tertinggal Bagi Pembangunan Landskap Perbandaran Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim	Terbuka *T1	Mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap dari Kementerian Kerja Raya (KKR) dan I. Berdaftar dengan CIDB - Gred G6 dan G7 Kategori B04 – Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan dan Kategori CE 14 – Landskap di Luar Bangunan dan Kategori CE21- Pembinaan Kejuruteraan Awam dan II. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. ATAU III. Berdaftar dengan PUKONSA Kelas B atau A Tajuk II Tajuk Kecil 2(a) dan Tajuk VI Tajuk Kecil 6 (a) ATAU IV. Berdaftar dengan UPKJ Kelas B atau A Kepala II, Sub Kepala 2, dan Kepala VI Sub Kepala 5 (a)	Secara atas talian (online). Link akan diberikan selepas pendaftaran dan bukti pembayaran disertakan Tarikh Dokumen Dijual: 13 JULAI 2021 (SELASA) Hingga 27 JULAI 2021 (SELASA)	RM 100.00 (Tidak akan dikembalikan) Akauntan Negara Malaysia-KPKT-T	Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya Tarikh Tutup Tender: 3 OGOS 2021 (SELASA) Waktu: 12.00 tengahari

LAWATAN TAPAK ADALAH TIDAK DIWAJIBKAN

Kontraktor di galakan untuk hadir lawatan tapak atas tanggungjawab sendiri bagi membantu kontraktor mendapat maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran Tender. Kontraktor diminta untuk mengamalkan penjarakan sosial, penggunaan hand sanitizer dan pemakaian *face mask* semasa lawatan tapak diadakan. Walaubagaimanapun satu taklimat tapak secara atas talian (pautan akan diberikan kepada petender yang melepasi proses saringan wajib) akan dilaksanakan dan wajib dihadiri oleh semua petender. Hanya petender yang menyertai taklimat tapak atas talian akan dibenarkan untuk memberi dokumen tender secara atas talian.

Tarikh dan Tempat Melapor Diri Bagi Taklimat Tapak:

13 JULAI 2021 (SELASA) jam 10.00 pagi secara atas talian (Online meeting Icwarp Conference). Pautan akan diberikan kepada Petender yang berjaya melepasi Proses Saringan Wajib.

TAKLIMAT TENDER

Bagi tujuan taklimat tender kontraktor diwajibkan untuk mendaftar pada pautan yang disediakan seperti berikut https://bit.ly/lp_batupahat bermula pada 6 Julai 2021 hingga 12 Julai 2021 (Isnin) jam 10.00 pagi. Selepas mengisi borang saringan wajib, kontraktor akan diberikan pautan Online meeting Icwarp Conference untuk taklimat tapak. Kontraktor juga akan diberi maklumat kaedah pembayaran yang perlu dilakukan untuk membeli dokumen tender. Hanya petender yang layak dan telah mengemukakan slip pembayaran akan menerima pautan beserta kata laluan atau pautan muat turun melalui e-mail untuk memuat turun Dokumen Tender daripada pautan yang akan diberikan. Setiap kontraktor akan diberikan nombor siri yang berbeza bagi dokumen tender yang akan dibeli. Hanya kontraktor yang mempunyai nombor siri dibenarkan untuk memasuki tawaran tender.

PERINGATAN : Sila bawa bersama SIJIL ASAL dan Salinan Pendaftaran PKK, CIDB, Sijil PUKONSA, Sijil UPKJ, Sijil Kontraktor Penyiap KKR dan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan. Tarikh laku sijil-sijil tersebut hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup tender. Dokumen tender tidak akan dijual kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil-sijil tersebut.

Petender **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai Tender ini sekiranya Petender didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan. Mana – mana Petender yang mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Tender Di Luar Bidang Pengkhususan" atau surat "Kebenaran Khas Menyertai Tender bagi Gred yang lebih tinggi / rendah" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah **TIDAK DITERIMA**

SILA BAWA COP BERALAMAT UNTUK MEMUDAHKAN URUSAN PENDAFTARAN/PEMBELIAN DOKUMEN

1. Petender yang layak akan menerima e-mail untuk membuat pembayaran secara atas talian dalam tempoh penjualan yang telah ditetapkan. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan **pembayaran hendaklah dilakukan secara atas talian (Instant Transfer Sahaja)**.
2. Dokumen tender boleh dikemukakan secara serahan tangan/kurier dengan mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang disediakan di dalam **Arahan Kepada Petender**.
3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Tender di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 3 Ogos 2021 (Selasa)** Tender No. **JLN/T/01/2021** dan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen tender yang dikemukakan melalui pos. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
4. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Landskap Negara di alamat www.jln.gov.my dan web rasmi Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan di alamat www.kpkt.gov.my dan web myprocurement di alamat www.myprocurement.treasury.gov.my.

5. *Jenis Pendaftaran:

T1 - Syarikat 100% milik warganegara

A1 - Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia dan warganegara dengan syarat pegangan saham individu yang tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 - Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia ATAU syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira samaada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.



(ROTINA BINTI MOHD DAIK)

Ketua Pengarah

Jabatan Landskap Negara

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tarikh : 2 . 7 . 2021